

0384

U B766 BAH
MAHATHIR - MINYAK

CHANGLUN, 21 SEPT (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED HARI INI MEMBERI JAMINAN BAHAWA KENAIKAN HARGA MINYAK AKAN DILAKUKAN SECARA PERLAHAN-LAHAN, JIKA HARGA BAHAN ITU TERPAKSA DINAIKKAN LAGI.

KATANYA, HARGA MINYAK DI NEGARA INI TERPAKSA DINAIKKAN SEKIRANYA HARGA MINYAK DUNIA NAIK ATAU TIDAK TURUN LAGI, KATANYA.

BAGAIMANAPUN, BELIAU BERKATA, JIKA HARGA ITU TERPAKSA DINAIKKAN, IA AKAN DIBUAT SECARA PERLAHAN-LAHAN DAN TIDAK SECARA MENDADAK KERANA KERAJAAN TIDAK MAHU KESANNYA MENYEBABKAN RAKYAT MENDERITA.

DI SAMPING ITU, KERAJAAN AKAN TETAP MENGAWAL HARGA. BARANG-BARANG, KATANYA KEPADA PEMBERITA SELEPAS PERHIMPUNAN RAKYAT DI SEKOLAH MENENGAH CHANGLUN DI SINI HARI INI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, PERSATUAN-PERSATUAN PENGGUNA SEHARUSNYA MENYOKONG USAHA KERAJAAN MENGAWAL KENAIKAN HARGA BARANG.

KETIKA DITANYA SAMA ADA 20 JENIS BARANGAN TERKAWAL AKAN TERLIBAT DENGAN KENAIKAN HARGA, BELIAU BERKATA: +BARANG-BARANG PERLU KITA BOLEH KAWAL... (TETAPI) KALAU BARANG ITU DIBELI OLEH PENIAGA DENGAN HARGA YANG LEBIH, KITA BAGI MEREKA JUAL DENGAN HARGA YANG LEBIH. PENIAGA PUN NAK CARI UNTUNG JUGA.

+TETAPI BAGI BARANG-BARANG YANG KITA BOLEH JAMIN HARGA PEMBELIANNYA TAK NAIK, BARU KITA KAWAL HARGA JUALANNAYA.+ -- LAGI.
1855MST 21 09 90

U B767 BAH
MAHATHIR - MINYAK 2 CHANGLUN

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG DIIRINGI MENTERI BESAR DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF KEMUDIAN MELAWAT PEJABAT PILIHAN RAYA BARISAN NASIONAL BAGI KAWASAN PETI UNDI FELDA BATU LAPAN DI SINI SEBELUM MENUNAIKAN SEMBAHYANG JUMAAT BERSAMA-SAMA RAKYAT DI MASJID PADANG PERAHU.

KETIKA BERUCAP KEPADA AHLI JEMAAH SELEPAS SEMBAHYANG ITU, PERDANA MENTERI TURUT MENJELASKAN PENDIRIAN MALAYSIA BERHUBUNG KRISIS TELUK.

KATANYA, MALAYSIA TIDAK MAHU TERLIBAT DALAM PERTELINGKAHAN ANTARA DUA BUAH NEGARA ISLAM DAN NEGARA INI TIDAK AKAN MEMIHAK KEPADA MANA-MANA NEGARA YANG TERLIBAT DALAM KRISIS BERKENAAN, TERMASUK ARAB SAUDI DAN IRAQ.

MENURUTNYA, MALAYSIA HANYA MAHU MELIHAT KEAMANAN DI TELUK DAN PIHAK-PIHAK YANG TERLIBAT DAPAT MENYELESAIKAN MASALAH MEREKA +SEBAGAI UMAT ISLAM DAN SEBAGAI SAUDARA DALAM ISLAM.+

+KITA BERPENDAPAT PENAKLUKAN KUWAIT OLEH IRAQ INI SESUATU YANG TIDAK BAIK. TIDAK PATUT DIBUAT... BEGITU JUGA KITA BERPENDAPAT PENAKLUKAN KUWAIT OLEH IRAQ INI SESUATU YANG SALAH. -- LAGI.
1857MST 21 09 90

U B768 BAH
MAHATHIR - MINYAK 3 CHANGLUN

+DI SAMPING ITU, KITA JUGA FAHAM, KEMARAHAN ORANG IRAQ TERHADAP ORANG KUWAIT KERANA ORANG KUWAIT INI SEMASA MEREKA MERDEKA DAHULU, APABILA NEGARA-NEGARA YANG MENGELUAR MINYAK MENENTUKAN HARGA MINYAK... KUWAIT SENGAJA MENGELUARKAN MINYAK LEBIH BANYAK. TAK MENGIKUT KUOTA.

+DIA MENGELUARKAN MINYAK LEBIH BANYAK DENGAN TUJUAN SUPAYA HARGA MINYAK TAK NAIK. BILA HARGA MINYAK TAK NAIK, NEGARA SEPERTI AMERIKA SYARIKAT UNTUNG KERANA DIA BOLEH BELI MINYAK DENGAN HARGA MURAH. NEGARA SEPERTI IRAQ RUGI KERANA DIA KENA JUAL MINYAK DENGAN HARGA MURAH.

+DENGAN ITU MARAHLAH ORANG IRAQ KEPADA ORANG KUWAIT. TETAPI KALAU MARAH MACAM MANA SEKALIPUN, DIA TAK BOLEH MENAKLUKI KUWAIT.+

+KITA BERPENDAPAT KEDUA-DUA PIHAK BERSALAH DAN KITA CUMA HENDAK SUPAYA MEREKA BERDAMAI. SUPAYA IRAQ TARIK BALIK TENTERANYA DI KUWAIT DAN KUWAIT DIPULANGKAN KEPADA ORANG KUWAIT. DAN JANGAN ADA APA-APA ANCAMAN KEPADA ARAB SAUDI KERANA DI SITU TERDAPAT TEMPAT SUCI BAGI ORANG ISLAM,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI DAN ISTERI, DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH, YANG PULANG UNTUK MELAKUKAN LAWATAN RASMI DUA HARI KE KAWASAN PARLIMENNYA DI KUBANG PASU, BERLEPAS PULANG KE KUALA LUMPUR PETANG INI. -- BERNAMA.

1859MST 21 09 90